

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 4 MEI 2015 (ISNIN)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MOSTI komited pacu produk inovasi berimpak tinggi	Harian Metro
2.	Agih RM11 juta rangsang produktiviti PKS	Harian Metro

**KERATAN AKHBAR  
HARIAN METRO (BISNES) : MUKA SURAT 41  
TARIKH: 04 MEI 2015 (ISNIN)**



DR Abu Bakar (kanan)  
bersama Shaik Sulaiman  
(tengah) dan Saifol Bahri  
semasa merasmikan  
Bazar Inovasi di Premium  
Sentral, Kuala Lumpur.

# BERI GERAN RM290J

## ■ MOSTI komited pacu produk inovasi berimpak tinggi

Oleh Sri Ayu Kartika Amri  
kartika@hmetro.com.my  
Kuala Lumpur

**K**ementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (MOSTI) komited mewujudkan produk berinovasi negara yang berimpak tinggi menerusi pembenaran geran bernilai RM290 juta tahun ini kepada mereka yang layak.

Timbalan Menterinya Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, pihaknya menyasarkan untuk meluluskan sekurang-kurangnya RM270 juta daripada keseluruhan peruntukan itu untuk melaksanakan kira-kira 200 projek menjelang akhir tahun ini.

Katanya, MOSTI juga berada di landasan tepat untuk mencapai 360 produk inovasi berimpak tinggi menjelang 2020 sebagai usaha merancakkan aktiviti pengkomersialan produk berino-

**“ Kami yakin sasaran berkenaan mampu direalisasikan menerusi pelancaran Bazar Inovasi yang akan mengetengahkan produk inovatif tempatan ke pengetahuan umum ”**

**Dr Abu Bakar Mohamad Diah**

vasi di negara ini.

“ Kami yakin sasaran berkenaan mampu direalisasikan menerusi pelancaran Bazar Inovasi yang akan mengetengahkan produk inovatif tempatan ke pengetahuan umum, sekali gus menyediakan platform kepada pengusahaannya untuk mempromosikan pro-

duk mereka.

“ Bagi tahun ini saja, sebanyak 12 produk yang dihasilkan menerusi geran yang disediakan MOSTI sudah dikenal pasti mencapai standard tinggi dan berpotensi untuk dikomersialkan,” katanya selepas prapelancaran Bazar Inovasi dan Forum Pasaran Dinamik bagi perusahaan idea kreatif dan inovatif di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp Malaysia, Saifol Bahri Shamlan dan Presiden Persatuan Kreatif dan Inovasi Malaysia (MACRI), Datuk Shaik Sulaiman Ismail.

Abu Bakar berkata, Malaysia kekurangan pendedahan produk inovasi yang dihasilkan berikutnya usahawan yang terbabit tidak mempunyai platform sesuai untuk mengetengahkan rekaan mereka ke peringkat umum.

Bazar Inovasi ini adalah yang pertama diperkenalkan dan ia dijangka menjadi platform kepada pengeluar produk inovasi mendapatkan maklumat lebih lanjut untuk mendapatkan geran di bawah MOSTI serta mengkomersialkan produk mereka.

“ Jika bazar ini mendapat sambutan, kami akan melaksanakannya setiap minggu,” katanya.

Menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) dan RMK10, MOSTI memperuntukkan masing-masing dana sejumlah RM2.89 bilion dan RM906 juta bagi menjalankan aktiviti memacu dan membangunkan aktiviti penyelidikan, pembangunan serta pengkomersialan di negara ini.

Peruntukan dana berkenaan antara lain bagi Dana Sains, Dana PraPengkomersialan, Kajian dan Penyelidikan Pengkomersialan.

**KERATAN AKHBAR  
HARIAN METRO (BISNES) : MUKA SURAT 41  
TARIKH: 04 MEI 2015 (ISNIN)**

## Agih RM11 juta rangsang produktiviti PKS

**Kuala Lumpur:** Kementerian Perdagangan Antara-bangsa dan Industri (MITI) sudah mengagihkan RM11 juta daripada RM128 juta per-runtukan yang ditetapkan bagi merangsang produktiviti dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di bawah Program Pe-ningkatan Produktiviti dan Inovasi Perusahaan Kecil (PKS) sehingga April ini.

Menterinya Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata program membabitkan em-pat kerjasama antara agensi kerajaan dan swasta terbabit

menyaksikan sebanyak 119 projek sedang dilaksanakan, 10 sudah selesai manakala 429 lagi sedang dalam pe-rancangan bagi dilaksanakan.

"Program ini bertujuan memacu pertumbuhan pro-duktiviti PKS iaitu tulang belakang kepada ekonomi negara sekali gus meningkatkan purata pendapatan PKS daripada RM50,000 kini kepada RM91,000 pada 2020," katanya pada sidang media bersempena taklimat Program Peningkatan Pro-duitiviti dan Inovasi PKS di sini, baru-baru ini.

Program itu dibahagikan kepada empat program iaitu Rangkaian Kajian Awam-Swasta (PPRN) membabitkan kerjasama Kementerian Pen-didikan, Perbadanan PKS (SME Corp) dan Perbadanan Pembangunan Teknologi Ma-laysia (MTDC).

Selain itu, terdapat prog-ram kerjasama antara Si-rrim-Fraunhofer, Agensi Ino-vasi Malaysia (AIM)-Stein-beis dan Platcom Ventures iaitu kerjasama antara SME Corp dan AIM.

Beliau berkata, inisiatif khusus bagi golongan PKS

itu adalah penting untuk meningkatkan kadar per-tumbuhan produktiviti ta-hunan negara yang kini ber-ada pada tahap 2.3 peratus di mana ia lebih rendah ber-banding Thailand sebanyak 2.9 peratus dan Indonesia (5.7 peratus)

"Produktiviti adalah pen-ting bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020 di mana ne-gara perlu mencapai sasaran empat peratus bagi memas-tikan hasrat terbabit tercapai dalam tempoh lima tahun akan datang," katanya.